

Cabaran Utama Pemimpin Politik Wanita dalam Memerangi Stereotaip Gender

(Key Challenges for Female Political Leaders in Combating Gender Stereotypes)

Siti Nurbatrisyia Mohamad Riadz¹, Siti Marziah Zakaria^{1*}, Norhayati Alias²,
Azahah Abu Hassan Shaari¹

¹ Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

² Pusat Penyelidikan Bahasa dan Linguistik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: marziah@ukm.edu.my

Received: 28 June 2025 | Accepted: 17 August 2025 | Published: 1 September 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.4.25>

Abstrak: *Malaysia berada di tangga tercorot dalam ASEAN bagi penyertaan wanita dalam politik. Kerajaan menetapkan sasaran 30% penyertaan wanita dalam pilihan raya. Namun, dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 yang lalu, hanya 12% sahaja calon wanita yang bertanding. Peratusan wanita di Parlimen Malaysia masih berada di bawah 20% yang menunjukkan masih banyak jurang yang perlu ditutup. Justeru, kajian perlu dijalankan untuk mendapat input mengenai situasi yang dihadapi oleh ahli politik wanita masa kini. Kajian secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi telah dijalankan bagi meneroka cabaran utama ahli politik wanita di Malaysia. Persampelan purposif telah digunakan untuk memilih responden kajian. Responden perlu memenuhi kriteria inklusif yang ditetapkan iaitu ahli politik yang masih aktif dan telah terlibat dalam politik dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun. Seramai lima (5) orang pemimpin politik wanita telah terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia. Kajian dijalankan melalui kaedah temu bual separa berstruktur untuk memberi peluang yang lebih besar kepada responden untuk memberi input. Dapatan menunjukkan bahawa cabaran utama yang dilalui oleh ahli politik wanita adalah cabaran untuk mengurus pandangan yang pelbagai, cabaran untuk membahagikan masa dan tanggungjawab, cabaran untuk menempatkan diri sebaris dengan lelaki serta cabaran dalam menentang budaya patriarki dan stereotaip gender. Hasrat kerajaan untuk mencapai 30% wanita dalam Parlimen Malaysia boleh direalisasikan dengan adanya latihan berterusan dalam bidang kepimpinan, komunikasi dan pembuatan keputusan.*

Kata Kunci: pemimpin, wanita, kepimpinan wanita, pemeraksanaan gender, pilihan raya

Abstract: *Malaysia ranks last in ASEAN for women's participation in politics. The government has set a target of 30% women participation in elections. However, in the 2023 State Election (PRN), only 12% of female candidates contested. The percentage of women in the Malaysian Parliament is still below 20%, which shows that there are still many gaps that need to be closed. Therefore, a study needs to be conducted to obtain input on the situation faced by female politicians today. A qualitative study using a phenomenological approach was conducted to explore the main challenges of female politicians in Malaysia. Purposive sampling was used*

to select study respondents. Respondents must meet the set inclusive criteria, namely politicians who are still active and have been involved in politics for at least 5 years. A total of five (5) female political leaders were involved in this study. Respondents consisted of Members of Parliament and State Assembly Members throughout Malaysia. The study was conducted through semi-structured interviews to give respondents greater opportunities to provide input. The findings show that the main challenges faced by female politicians are the challenge of managing diverse views, the challenge of dividing time and responsibilities, the challenge of placing themselves in line with men, and the challenge of opposing patriarchal culture and gender stereotypes. The government's desire to achieve 30% women in the Malaysian Parliament can be realized with continuous training in the areas of leadership, communication, and decision-making.

Keywords: leaders, women, women's leadership, gender empowerment, elections

1. Pengenalan

Jumlah perwakilan wanita dalam politik Malaysia masih rendah, walaupun menunjukkan peningkatan sedikit demi sedikit dari Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, PRU ke-14, dan PRU ke-15, perwakilan wanita yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia masih jauh dari mencapai sasaran 30%. Sasaran 30% ini telah disebut sebagai matlamat dalam Dasar Wanita Plan of Action dan juga dalam beberapa dasar kerajaan yang lain, yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam kepimpinan dan pengambilan keputusan di semua peringkat, termasuk dalam politik (Devaraj 2024).

Pada PRU ke-13 yang berlangsung pada tahun 2013, perwakilan wanita di Dewan Rakyat mencatatkan angka yang agak rendah. Wanita hanya memegang 24 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan (Portal Rasmi Parlimen Malaysia - Senarai Arkib Ahli Dewan 2025), yang mewakili sekitar 10.81% daripada keseluruhan kerusi. Angka ini menunjukkan bahawa wanita masih berada dalam posisi yang kurang berbanding lelaki di dunia politik, mencerminkan bahawa kesetaraan jantina dalam politik Malaysia pada waktu itu masih jauh untuk dicapai.

Selain itu, dalam PRU ke-13, beberapa parti politik mempunyai sayap wanita masing-masing, tetapi pengaruh dan keupayaan mereka dalam mempengaruhi keputusan parti dan dasar masih terhad. Pada masa itu, wanita sering kali dipandang sekadar sebagai pelengkap dan bukan sebagai agen perubahan dalam politik negara (Shikh 2022). Pada PRU ke-14 yang diadakan pada tahun 2018 pula, wujud sedikit peningkatan dalam perwakilan wanita di Dewan Rakyat. Wanita pada waktu itu memegang 32 kerusi (Portal Rasmi Parlimen Malaysia - Senarai Arkib Ahli Dewan 2025), yang mewakili sekitar 14.41% daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. Ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding PRU ke-13, tetapi angka ini masih rendah berbanding dengan negara-negara lain yang lebih maju dalam kesetaraan jantina politik. Walaupun terdapat peningkatan jumlah wanita dalam politik, pelbagai cabaran masih wujud, termasuk peranan wanita yang seringkali dikaitkan dengan stereotaip tertentu dan kekurangan peluang dalam jawatan-jawatan utama dalam parti politik.

Seterusnya, dalam PRU ke-15 yang diadakan pada tahun 2022, Malaysia menyaksikan penurunan dalam perwakilan wanita di Dewan Rakyat. Wanita kini memegang 30 kerusi, yang mewakili sekitar 13.51% daripada 222 kerusi (Portal Rasmi Parlimen Malaysia - Senarai Ahli Dewan 2025) yang dipertandingkan. Namun demikian, PRU ke-15 menyaksikan beberapa

usaha untuk menggalakkan lebih banyak wanita bertanding, dengan parti-parti politik seperti Pakatan Harapan dan Barisan Nasional menunjukkan komitmen untuk meningkatkan jumlah wanita dalam politik (Shikh 2022). Beberapa tokoh wanita yang berjaya dalam PRU ke-15 juga menunjukkan bahawa wanita semakin mendapat perhatian dalam politik, walaupun mereka masih perlu menghadapi pelbagai halangan.

2. Sorotan Literatur

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemantauan (PantauPRU15) pada tahun 2022, banyak parti politik di Malaysia masih belum mengiktiraf wanita sebagai pemimpin yang berkelayakan dan memberi mereka peluang untuk bertanding sebagai calon utama dalam pilihan raya. Keadaan ini mencerminkan ketidakseimbangan jantina yang jelas dalam proses pembuatan keputusan politik negara, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh stereotaip gender. Walaupun wanita semakin cemerlang dalam pelbagai bidang, mereka masih sering dipinggirkan dalam politik, terutamanya dalam jawatan kepimpinan tertinggi.

Stereotaip gender menganggap wanita kurang berkemampuan dan tidak cukup berani untuk memimpin, walaupun mereka mempunyai kualiti dan pengalaman yang setara dengan lelaki (Shikh 2022). Selain itu, pandangan sosial yang menekankan peranan tradisional wanita sebagai isteri dan ibu sering menghalang mereka daripada melibatkan diri secara aktif dalam politik (Hassan 2020), yang sering dianggap sebagai domain lelaki. Ketidakseimbangan ini terus mengukuhkan budaya patriarki dalam politik Malaysia, yang memerlukan perubahan dalam persepsi masyarakat dan parti politik terhadap wanita dalam kepimpinan.

Wanita masih kurang diwakili di semua peringkat pembuatan keputusan dalam bidang politik (Baqtayan & Razak 2022). Malaysia menduduki tempat ke-143 daripada 187 negara dari sudut kepimpinan wanita dalam penggubakan undang-undang (Shikh 2022). Meskipun kemajuan telah dicapai dalam beberapa dekad kebelakangan ini, peranan wanita dalam politik masih jauh tertinggal berbanding lelaki, terutamanya dalam posisi tertinggi seperti dalam kabinet, parlimen, atau lembaga pengarah (Baqtayan & Razak 2022). Menurut Childs & Hughes (2018) ketidakseimbangan ini sering kali disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk norma sosial dan budaya yang mengekang penglibatan wanita dalam politik, stereotaip gender (Yusop & Talib 2023), serta kekurangan sokongan daripada pihak keluarga dan masyarakat (Saidon et al. 2022).

Selain itu, halangan seperti kekurangan peluang pendidikan (Baqtayan & Razak 2022), sumber kewangan, dan peranan tradisional yang diberikan kepada wanita (Saidon et al. 2022) juga turut menyumbang kepada keterbatasan mereka dalam memasuki dunia politik. Akibatnya, keputusan-keputusan penting yang mempengaruhi masyarakat sering kali dibuat tanpa mengambil kira perspektif dan keperluan wanita (Zainuddin 2018), yang memberi kesan kepada pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam politik adalah penting untuk memastikan pembuatan keputusan yang lebih inklusif dan seimbang untuk kesejahteraan semua golongan.

Tambahan lagi, cabaran untuk menempatkan diri sebaris dengan lelaki dalam politik Malaysia sering kali mengganggu fokus pemimpin wanita. Walaupun wanita telah membuat kemajuan dalam beberapa aspek, ruang politik masih didominasi oleh pemimpin lelaki yang memegang sebahagian besar kedudukan utama dalam kerajaan dan parti politik (Raisiene, Geciene & Korsakiene, 2020). Dalam keadaan ini, wanita perlu berusaha dengan lebih gigih untuk memperoleh pengiktirafan dan peluang yang setara dengan lelaki. Mereka sering kali terpaksa

menonjolkan kebolehan mereka dengan lebih jelas dan lebih keras, untuk meyakinkan masyarakat dan rakan-rakan politik mereka bahawa mereka juga berkelayakan untuk memegang jawatan penting dalam politik. Hala et al. (2020) turut menambah bahawa wanita juga berdepan dengan cabaran menguruskan pandangan berasaskan budaya, tradisi dan keluarga yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada fokus mereka terhadap kerjaya.

Wanita dalam persada politik perlu mengatasi cabaran sosial dan budaya yang masih kuat, yang sering kali memandang rendah kemampuan mereka untuk menjadi pemimpin yang berwibawa (Hala et al. 2020). Dalam masyarakat yang mempunyai norma patriarki yang kukuh, wanita dianggap lebih sesuai untuk memainkan peranan sokongan atau domestik, sementara lelaki dilihat sebagai individu yang lebih tegas dan sesuai untuk memimpin. Oleh itu, wanita sering kali terpaksa membuktikan bahawa mereka bukan sahaja mampu bersaing, tetapi juga layak untuk menggalas tanggungjawab dalam kepimpinan politik. Sharma (2019) dan Malhotra (2018) mendedahkan bahawa pemimpin wanita perlu menghadapi isu-isu seperti bias dan stereotaip masyarakat terhadap gender, layanan berat sebelah rakan sekerja dan jangkaan sosial mengenai norma gender. Justeru, mereka sukar untuk mendapat bimbingan dan sokongan yang diperlukan untuk mengembangkan kerjaya.

Pemimpin wanita perlu menghadapi cabaran dalam memperoleh sokongan daripada rakan sejawatan lelaki (Agyeiwaa & Attom, 2018). Dalam banyak keadaan, mereka mungkin dipandang sebelah mata atau dianggap tidak mampu memegang jawatan penting. Agyeiwaa dan Attom (2018) turut melaporkan bahawa pemimpin wanita kurang dihormati oleh pekerja bawahan lelaki. Pemimpin wanita juga sering berdepan dengan reaksi negatif daripada orang-orang bawahan terhadap keputusan yang diambil. Ini disokong oleh Muktar et al. (2022) yang mendedahkan bahawa pemimpin wanita terpaksa bertungkus-lumus untuk mendapatkan pengiktirafan daripada orang sekeliling dan dalam masa yang sama mereka perlu menghadapi stereotaip gender. Mereka perlu menangkis persepsi negatif dengan menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang. Semua ini memberi beban tambahan kepada pemimpin wanita, kerana mereka harus bekerja lebih keras untuk menghapuskan stereotaip yang membelenggu. Oleh itu, artikel ini akan meneroka cabaran yang dihadapi oleh pemimpin politik wanita di Malaysia bagi memerangi stereotaip gender.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian

Bagi kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif untuk merungkai persoalan kajian. Teknik yang digunakan adalah temubual separa berstruktur bagi meneroka dengan lebih mendalam mengenai cabaran yang dilalui oleh ahli politik wanita di Malaysia. Kaedah kualitatif yang digunakan di dalam kajian ini adalah kajian kes. Kajian kes adalah teknik kajian yang mendalam mengenai individu, proses atau fenomena kehidupan manusia yang terhad oleh masa, aktiviti dan data. Ini kerana kajian kes adalah kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dan sebagainya) berdasarkan data dan maklumat terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

Pemilihan responden

Kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) yang menggunakan teknik persampelan seragam (homogeneous sampling) telah digunakan untuk memilih responden. Penyelidik mencari ahli politik wanita yang mempunyai pengalaman dalam politik dan juga merupakan ahli yang aktif di dalam politik. Teknik persampelan seragam dipilih kerana persoalan kajian ini menumpukan kepada ciri-ciri khusus bagi kumpulan sasaran tertentu, yang kemudian dikaji

dengan lebih mendalam. Dalam kajian ini, kumpulan sasaran tersebut adalah ahli politik wanita.

Kesemua responden terdiri daripada wanita yang terlibat dalam bidang politik, dengan usia antara 34 hingga 60 tahun, dan tinggal di Kuala Lumpur, Selangor serta Kelantan. Tiga daripada responden adalah wanita yang telah berkahwin dan mempunyai anak, manakala dua responden adalah bujang. Semua responden mempunyai pengalaman dalam bidang politik dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

Proses pengumpulan data

Sebelum memulakan sesi temu bual, kebenaran untuk melakukan temu bual dan merakam perbualan diminta secara lisan daripada responden. Latar belakang serta objektif kajian dijelaskan kepada responden bagi memberikan pemahaman mengenai kajian yang sedang dijalankan. Responden juga diberitahu bahawa mereka tidak diwajibkan untuk meneruskan temu bual dan berhak untuk menarik diri pada bila-bila masa. Selain itu, identiti mereka dalam temu bual ini akan dirahsiakan. Sepuluh soalan separa berstruktur telah ditanya untuk meneroka pengalaman serta pandangan responden mengenai cabaran yang dihadapi oleh ahli politik wanita. Semua soalan yang diajukan adalah soalan terbuka (open-ended question) untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan bermakna. Sesi temu bual dijalankan dalam tempoh antara 43 hingga 71 minit, dan kesemua temu bual direkodkan dan kemudiannya ditranskrip.

Instrumen kajian

Kajian secara temu bual mendalam ini menggunakan soalan temu bual separa berstruktur untuk mengumpulkan data daripada responden kajian. Sebanyak 12 soalan dibina bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh pemimpin politik wanita. Soalan-soalan ini telah disahkan oleh pakar dalam bidang yang mewakili bidang politik dan bidang kualitatif. Soalan separa berstruktur dibina bagi memberi ruang kepada penambahan soalan semasa sesi temu bual berlangsung, jika diperlukan. Ia juga membuka ruang yang lebih besar untuk mendapat data yang lebih kaya dan menyeluruh. Seseengah soalan juga akan diabaikan jika responden telah memberi respon kepada persoalan tersebut. Penyelidik juga mempunyai ruang untuk bertanya lagi soalan-soalan yang berkaitan jika masih belum mempunyai maklumat yang terperinci.

Analisis data

Dapatan daripada temu bual yang telah ditranskrip kemudiannya dianalisis dengan cara mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan persoalan kajian iaitu cabaran ahli politik wanita dalam memerangi stereotaip gender. Proses analisis tematik ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis, dan mentafsir pola-pola makna ('tema') dalam data kualitatif yang diperolehi (Clarke & Braun 2017). Transkrip yang diperolehi daripada temu bual dibaca dengan teliti, dan langkah pengekodan dilakukan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang relevan.

Kod-kod yang dikenalpasti kemudian dikumpulkan dan disusun untuk menentukan tema-tema yang berkaitan. Tema-tema tersebut kemudiannya diteliti semula untuk memastikan kesesuaiannya dengan keseluruhan data yang dikumpulkan. Data kemudiannya dikaji dengan lebih mendalam, dan setiap tema yang ditemui diberi label yang sesuai. Akhirnya, tema-tema yang dikenalpasti dibentangkan dan dilaporkan. Prosedur ini mengikut panduan yang ditetapkan oleh Maguire dan Delahunt (2017). Bagi memastikan kesahan untuk setiap temubual, penulisan nota serta maklumat melalui rakaman suara responden yang diperolehi telah dianalisis dengan teliti. Langkah ini penting untuk memastikan bahawa semua data yang

dikumpulkan adalah sah dan tepat. Penyelidik telah membaca semula nota yang dicatat untuk memeriksa ketepatan dan kesahihan maklumat, serta memastikan bahawa tiada butiran penting yang terlepas.

Proses ini membantu penyelidik untuk memastikan bahawa data yang digunakan dalam analisis seterusnya adalah relevan dan boleh dipercayai, sekaligus memastikan kualiti kajian yang tinggi. Kesahan tema dan sub-tema diuji dengan cara membentangkan tema, subtema, dan petikan temu bual yang relevan kepada majoriti responden untuk menilai sejauh mana mereka bersetuju dengan tema yang telah dikenalpasti. Setelah memperoleh persetujuan daripada responden, tema dan sub-tema tersebut kemudiannya dibentangkan kepada seorang pakar dalam bidang kajian gender untuk mendapatkan pengesahan mereka. Selepas pembetulan dilakukan, tema dan sub-tema ini akhirnya dilaporkan.

4. Dapatan Kajian

Latar belakang responden

Semua responden memenuhi kriteria yang ditetapkan, iaitu wanita yang aktif dan memiliki 33 pengalaman yang relevan dalam bidang politik. Peringkat umur dan tempoh perkhidmatan mereka dipelbagaikan untuk memperoleh maklumat daripada pelbagai perspektif, membolehkan perbandingan dibuat antara perbezaan dalam tempoh serta pengalaman mereka dalam dunia politik.

Responden terdiri daripada wanita Melayu dan Cina, dengan usia antara 34 hingga 60 tahun semasa ditemubual dijalankan pada tahun 2023. Kesemua responden melaporkan bahawa mereka berada dalam keadaan kesihatan yang baik dan mampu bekerja tanpa sebarang masalah. Dari segi latar belakang pendidikan, responden menunjukkan kepelbagaian, dengan ada yang hanya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, sementara yang lain memegang Sijil Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Semua responden yang ditemubual merupakan ahli politik wanita yang berpengalaman dan aktif dalam bidang politik. Antara responden yang ditemu bual, ada yang sudah berkahwin dan mempunyai anak, manakala sebahagian lagi masih belum berkahwin. Jadual berikut merumuskan maklumat mengenai latar belakang responden.

Jadual 1: Latar belakang responden

No. Responden	Lokasi	Tempoh aktif	Tahap pendidikan	Status perkahwinan
1	Kelantan	19	SPM	Berkahwin
2	Selangor	5	Ijazah Sarjana Muda	Berkahwin
3	Kuala Lumpur	14	Ijazah Sarjana Muda	Bujang
4	Kuala Lumpur	24	Ijazah Sarjana Muda	Berkahwin
5	Selangor	14	Diploma	Bujang

Cabaran pemimpin politik wanita untuk memerangi stereotaip gender

Ahli politik wanita di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran bagi memerangi stereotaip gender terhadap penglibatan wanita dalam politik. Ini termasuklah:

- 1) Cabaran mengurus pandangan yang pelbagai
- 2) Cabaran membahagikan masa dan tanggungjawab
- 3) Cabaran untuk menempatkan diri sebaris dengan lelaki
- 4) Cabaran budaya patriarki

Cabaran utama yang dilalui oleh ahli politik wanita adalah mengurus pandangan yang pelbagai. Sebagai wanita dalam politik, mereka perlu menangani pelbagai pendapat dan pandangan, bukan sahaja dari masyarakat umum tetapi juga dalam parti dan dalam kalangan pemimpin lelaki. Setiap tindakan mereka sering diperhatikan dengan teliti, dan mereka sering kali terpaksa menghadapi kritikan yang lebih keras berbanding lelaki, yang menambah tekanan untuk membuat keputusan yang tepat. Perkara ini diterangkan oleh responden 5, katanya: “Cabaran terbesar adalah mengurus pandangan yang pelbagai dan kritikal terhadap kepimpinan parti...”

Ini juga disokong oleh responden 3, beliau mengatakan:

Tapi bila kita perempuan je, ha check background, ni ha pendidikan apa, kerja apa dulu, suami; kahwin tak kahwin, it becomes an issue. Jadi, sistem sosial masyarakat tu sendiri yang menjadi penghalang, tak semua wanita sanggup. Sebab lepas tu dia akan jadi lah macam-macam tekanan, kan. Jadi stress.

Selain itu, membahagikan masa dan tanggungjawab juga menjadi cabaran besar. Ahli politik wanita sering kali dihadapkan dengan keperluan untuk menyeimbangkan kehidupan peribadi, kerjaya politik, dan tanggungjawab sebagai ibu atau isteri. Tanggungjawab yang pelbagai ini memerlukan pengurusan masa yang sangat efisien, kerana mereka sering kali terpaksa memberi perhatian lebih kepada bidang-bidang yang mungkin tidak diberikan perhatian sama oleh ahli politik lelaki. Seperti yang dinyatakan oleh responden 5 juga, “...kita perlu bijak membahagikan masa berpolitik dengan urusan peribadi agar seimbang dan tidak menjejaskan antara satu sama lain...”, juga turut berkongsi pendapat yang sama adalah responden 4. Katanya:

Itu memang cabaran. Satu kita merasakan itu tanggungjawab kita. Itu benda yang paling asas. Bila kita dah ada rumah tangga, orang tak suka pun, kita rasa itu tanggungjawab kita. Tapi cabaran besar adalah bagaimana kita nak mengagihkan, berkongsi tanggungjawab itu. Kongsi tanggungjawab itu. Saya ada suami saya bekerja juga, anak saya kecil juga dulu kan. Memang kita nak kongsi tanggungjawab itu rasa burden itu bersama.

Responden lain turut menyokong pandangan ini:

Family, husband, sometimes tak faham kan. So, this support system very important untuk nak involve in politics. Jadi, itu memainkan peranan yang penting lah, bila keluarga support, kita punya cost kan. So, women must be strong enough lah untuk fahamkan keluarga, untuk terima dan juga get support lah all the way.

Seterusnya, menempatkan diri sebaris dengan lelaki dalam politik Malaysia adalah satu lagi cabaran yang signifikan. Wanita perlu berusaha keras untuk memperoleh pengiktirafan dan peluang yang sama dengan lelaki dalam situasi yang masih banyak didominasi oleh pemimpin lelaki. Mereka sering kali perlu membuktikan kemampuan diri dengan lebih kuat untuk diterima dalam ruang politik yang berat sebelah. Sebagaimana disuarakan oleh responden 3:

Sebab kita nak mengurus persepsi masyarakat. Dan, kita sebagai wanita kan, kita kena buktikan dua kali ganda atau tiga kali ganda lebih daripada lelaki. Ia tidak mudah. Walaupun, kalau kita boleh buat kerja yang sama, kalau boleh kita kena buktikan dulu.

Baru dia akan percaya atau boleh bagi kita ruang. Kalau mula-mula kan, memang macam pandang sebelah mata je lah.

Di samping itu, penyertaan wanita juga dilihat sekadar sebagai pelengkap untuk memenuhi jumlah yang diperlukan bagi mencukupkan peratusan penglibatan. Walaupun bilangan wanita secara statistik mungkin memenuhi dasar atau perlembagaan parti, hak wanita yang sebenar untuk melaksanakan peranan dan membuat keputusan masih terbatas. Ini menimbulkan persoalan penting tentang kesaksamaan gender dalam organisasi politik serta keperluan untuk menilai semula penglibatan wanita dalam proses membuat keputusan, bukan sekadar bilangan wanita di dalam parti politik. Perkara ini diterangkan oleh responden 1: "...di seluruh Malaysia, bukan saja di Pasir Mas ke, di Tanah Merah, wanita lebih kepada pencukup kuorum. Kita tidak diberikan hak yang seadilnya untuk kita laksanakan hak kita setahun sekali...".

Akhirnya, budaya patriarki turut merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh wanita dalam politik. Budaya ini cenderung memberi lebih banyak kuasa dan peluang kepada lelaki, dan ia membentuk cara masyarakat melihat peranan wanita dalam politik. Wanita dalam politik sering kali dilihat melalui lensa yang lebih skeptikal dan diletakkan pada jangkaan yang lebih tinggi berbanding lelaki, terutamanya apabila mereka memegang jawatan kepimpinan. Untuk berjaya, wanita harus memecah tembok-tembok ini dan terus berjuang untuk mendapatkan tempat yang setara dalam dunia politik. Ini ditegaskan oleh responden 3:

Peringkat calon, memang lelaki yang akan masuk semua dulu. Kenapa? Dalam politik, dia kena ikut hieraki parti. Semakin tinggi seseorang dalam parti, semakin tinggi peluang dialah. Jadi kebanyakan mereka adalah lelaki kan. Jadi dalam politik, kebanyakan yang akan pegang jawatan adalah lelaki. Sebab tu kita perlukan lebih ramai wanita untuk mengarusperdanakan gender. Wanita kena pergi ke peringkat kebangsaan, bukan dalam sayap semata-mata.

Patriaki itu masih ada dalam masyarakat yang menyebabkan halangan wanita nak masuk sebab ada halangan luar. Bukan dia tak nak masuk tapi halangan luar. Pemikiran, penerimaan daripada parti, kepimpinan, peluang, tidak diberi. Jadi ini semua adalah halangan luar.

Responden turut menambah lagi: "patriarki dalam masyarakat tu sangat kuat because of the embedded sosial system yang memang kita nak kena ubah barulah masyarakat boleh terima, kan." Sistem yang sudah wujud lama ini baginya adalah faktor yang mengekang wanita daripada terlibat dalam politik. Bahkan, jika wanita terlibat dalam politik, mereka akan terus menghadapi tekanan dari masyarakat dan ahli politik yang lain yang akhirnya boleh menyebabkan ramai daripada pemimpin wanita berputus asa dan mengambil keputusan untuk mengundur diri.

Oleh itu, persepsi masyarakat terhadap wanita masih banyak yang bersikap stereotaip, berat sebelah, prejudis dan bias. Masih ramai yang sentiasa meragui kebolehan wanita memimpin walaupun mereka telah membuktikannya. Masyarakat masih mengaitkan wanita dengan sifat lemah, sensitif, mudah mengalah, tidak tahan diuji, dan lain-lain lagi. Wanita juga dianggap tidak dapat membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan baik. Kemahiran-kemahiran ini tentunya boleh digilap dan dilatih untuk pelapis-pelapis kepimpinan akan datang. Ia juga datang bersama pengalaman dan pendedahan dalam politik. Ini diperkukuhkan dengan pandangan responden 1:

Pasal menjadi budayalah, dah menjadi dia melihat wanita ini tak cukup gagah untuk menjadi pemimpin. Wanita masih lagi lemah, lembut tapi dia lupa tangan yang menghayun buai itu masih boleh menggoyang dunia.

5. Perbincangan Kajian

Membahagikan masa dan tanggungjawab menjadi cabaran besar bagi ahli politik wanita. Mereka sering kali dihadapkan dengan tuntutan yang sangat kompleks, di mana mereka perlu menyeimbangkan kehidupan peribadi, kerjaya politik, serta tanggungjawab sebagai ibu atau isteri. Wanita dalam politik tidak hanya berhadapan dengan tekanan untuk menjalankan tugas mereka dalam arena politik, tetapi juga perlu memenuhi peranan tradisional sebagai penjaga keluarga, yang sering kali dianggap sebagai tanggungjawab utama mereka. Keperluan untuk memenuhi peranan-peranan ini dalam masa yang sama menambah beban kepada mereka. Mereka harus memastikan bahawa kehidupan peribadi dan profesional mereka dapat berjalan seiring tanpa mengorbankan satu sama lain (Bahiru & Mengistu 2018; Malhotra 2018; Tabassum & Rafiq 2023).

Tanggungjawab yang pelbagai ini memerlukan pengurusan masa yang sangat efisien dan strategi yang dirancang dengan teliti. Wanita dalam politik sering kali terpaksa menyesuaikan jadual mereka dengan ketat, memandangkan mereka juga perlu memberi perhatian kepada anak-anak, pasangan, dan rumah tangga. Mereka mungkin menghadapi perasaan bersalah apabila perlu memberi lebih banyak tumpuan kepada kerjaya politik berbanding keluarga, atau sebaliknya. Ini berbeza dengan ahli politik lelaki, yang lebih jarang berhadapan dengan tanggungjawab domestik yang sama, kerana stereotaip tradisional menganggap peranan tersebut sebagai tugas utama wanita. Situasi ini telah dikaji oleh Hala et al. (2020) yang meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengetua sekolah wanita di Oman dalam menggalas jawatan tersebut. Pengkaji mendapati bahawa majoriti responden menghadapi cabaran bekerja lebih dari masa yang ditetapkan. Bahkan ada di antara mereka yang lebih banyak menghabiskan masa mereka di sekolah berbanding di rumah dengan waktu kerja melebihi 35 jam. Senario ini juga berlaku di India berdasarkan kajian oleh Malhotra (2018) yang mendapati kesukaran pemimpin wanita menyeimbangkan tanggungjawab kepada keluarga dan kerjaya mereka.

Selain itu, wanita juga sering kali menghadapi tekanan sosial dan budaya yang mengharapkan mereka untuk menjadi sempurna dalam semua aspek kehidupan mereka. Mereka bukan sahaja perlu menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam kerjaya politik, tetapi juga perlu dilihat sebagai ibu atau isteri yang bertanggungjawab dan penyayang. Keadaan ini memburukkan lagi cabaran yang dihadapi oleh ahli politik wanita, kerana mereka terpaksa berusaha lebih keras untuk memenuhi harapan tinggi yang diletakkan ke atas mereka. Dalam masa yang sama, wanita juga menghadapi stereotaip dan pandangan negatif terhadap kemampuan mereka untuk menyeimbangkan peranan yang berbeza (Raisiene, Geciene & Korsakiene 2020). Ini mewujudkan konflik peranan antara kerjaya dan keluarga. Semua ini menjadikan pengurusan masa dan tanggungjawab satu tugas yang amat mencabar dan memerlukan kegigihan serta daya tahan yang luar biasa. Ini di sokong oleh Ralebona (2014) yang turut membuktikan bahawa wanita turut berdepan dengan cabaran untuk memenuhi peranan berganda di tempat kerja dan di rumah. Mereka perlu mengorbankan waktu berkualiti bersama keluarga untuk memenuhi jangkaan prestasi di tempat kerja.

Masyarakat pula sering menganggap kepimpinan sebagai suatu peranan yang lebih maskulin kerana seseorang yang memegang jawatan sebagai pemimpin haruslah bersikap tegas dan

membuat keputusan dengan penuh yakin. Selain itu, pemimpin juga seharusnya membuat keputusan tanpa melibatkan emosi iaitu berbeza dengan ciri-ciri feminin wanita. Wanita dianggap lebih emosi, bersifat penyayang, intuitif dan menghargai komunikasi (Muzira et al. 2025). Stereotaip ini menggambarkan wanita sebagai pemimpin yang kurang berkeyakinan, emosional dan tidak cekap dalam membuat keputusan, seperti yang dinyatakan dalam kajian Abdul Rahman et al. (2017). Pemikiran ini masih kuat tertanam dalam masyarakat dan mengekang wanita daripada memasuki bidang politik dan kepimpinan.

Menurut Clatterbaugh (2018), walaupun penyertaan wanita dalam politik semakin berkembang, lelaki masih dianggap lebih sesuai untuk memegang jawatan politik. Ini disebabkan oleh pandangan tradisional yang melihat ciri-ciri maskulin, seperti kepimpinan yang tegas, berani, dan berwibawa, sebagai kualiti semulajadi yang lebih sesuai untuk jawatan politik. Dalam banyak kes, tret maskulin ini dianggap sebagai keistimewaan yang memberikan kelebihan kepada lelaki dalam peranan tersebut. Pemikiran ini berakar umbi dalam budaya patriarki yang mengutamakan lelaki sebagai pemimpin dan pengambil keputusan utama dalam masyarakat (Ford 2018). Oleh itu, walaupun wanita kini semakin mengambil tempat dalam dunia politik, mereka masih berdepan dengan cabaran untuk mengubah persepsi ini dan membuktikan bahawa kepimpinan yang berkesan bukanlah terhad kepada gender tertentu sahaja.

Struktur patriarki yang wujud dalam masyarakat seringkali membentuk pandangan bahawa lelaki lebih berkelayakan untuk memimpin negara, berbanding wanita (Shikh 2022). Pandangan ini diperkukuhkan oleh stereotaip gender yang merendahkan kemampuan wanita dalam hal kepimpinan dan politik. Stereotaip tersebut menganggap wanita lebih sesuai memegang peranan domestik atau sokongan, manakala lelaki dilihat sebagai pemimpin yang lebih berwibawa dan mampu membuat keputusan penting untuk negara (Ramli et al. 2024). Selain itu, salah faham terhadap ajaran agama turut memainkan peranan dalam halangan ini, di mana sesetengah pihak mentafsirkan ajaran agama dengan cara yang membataskan peranan wanita dalam kepimpinan, walhal banyak ajaran agama sebenarnya tidak menghalang wanita daripada terlibat dalam bidang politik dan kepimpinan. Gabungan struktur patriarki dan salah faham terhadap agama ini mewujudkan cabaran besar bagi wanita yang ingin mencapai kedudukan politik yang tinggi dan membawa perubahan dalam masyarakat (Ramli et al. 2024).

Budaya ini cenderung memberi lebih banyak kuasa dan peluang kepada lelaki, dan ia membentuk cara masyarakat melihat peranan wanita dalam politik. Wanita dalam politik seringkali dilihat melalui lensa yang lebih skeptikal dan diletakkan pada jangkaan yang lebih tinggi berbanding lelaki, terutamanya apabila mereka memegang jawatan kepimpinan. Untuk berjaya, wanita harus memecah tembok-tembok ini dan terus berjuang untuk mendapatkan tempat yang setara dalam dunia politik. Ini disokong oleh Ralebona (2014) yang mengkaji mengenai cabaran kepimpinan yang dihadapi oleh pengurus wanita di kota metropolitan Johannesburg. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan reka bentuk kes kolektif (collective case) yang melibatkan seramai 15 orang Pengarah Operasi wanita yang berusia antara 35 hingga 58 tahun dengan pengalaman berkhidmat selama 5 hingga 15 tahun dalam jawatan tersebut. Berdasarkan beberapa tema dan sub-tema yang telah digariskan, didapati bahawa salah satu tema yang menekankan kepada cabaran yang dihadapi oleh para responden dalam perkhidmatan mereka ialah fenomena “glass ceilings”. Ini merupakan halangan untuk wanita berkembang dalam karier mereka.

Mengurus kritikan media dan pandangan yang pelbagai juga merupakan satu lagi cabaran yang dihadapi oleh pemimpin wanita dalam politik. Sebagai wanita dalam politik, mereka perlu

menangani pelbagai pendapat dan pandangan, bukan sahaja dari masyarakat umum tetapi juga dalam parti dan kalangan pemimpin lelaki. Setiap tindakan mereka sering diperhatikan dengan teliti, dan mereka sering kali terpaksa menghadapi kritikan yang lebih keras berbanding lelaki, yang menambah tekanan untuk membuat keputusan yang tepat. Wanita dalam politik juga menghadapi halangan daripada media dan masyarakat yang sering mengkritik penampilan atau tingkah laku mereka, sesuatu yang jarang berlaku kepada lelaki (Hanafi et al. 2016).

Situasi ini turut disokong oleh Ozer (2023) yang mengatakan bahawa salah satu punca kepada kritikan yang diberi terhadap wanita dalam politik adalah kerana wujudnya pengaruh dari media. Media memainkan peranan dalam membentuk persepsi terhadap ahli politik wanita. Kajian tersebut menunjukkan bahawa wartawan Malaysia sering menggunakan elemen stereotaip dalam penulisan mereka terhadap ahli politik wanita, yang mencerminkan dominasi lelaki dalam politik. Persepsi ini mengukuhkan lagi halangan yang dihadapi oleh pemimpin wanita dalam politik.

6. Kesimpulan

Ahli politik wanita di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang besar. Mereka sering bermula dari bawah dalam politik, berusaha untuk membina nama dan kredibiliti, sementara mengharungi sektor yang didominasi oleh lelaki dan berdepan dengan stereotaip gender. Banyak wanita terpaksa menempuh norma kepimpinan lelaki, yang lebih dihormati dalam politik dan memecahkan stereotaip yang menganggap wanita tidak mampu memegang jawatan penting. Selain itu, mereka juga berdepan dengan cabaran mengurus pandangan yang pelbagai daripada masyarakat, termasuk menerima kritikan yang lebih keras berbanding lelaki.

Justeru, ahli politik wanita turut perlu bijak mengimbangi masa dan tanggungjawab antara kerjaya politik, keluarga, dan kehidupan peribadi. Dalam banyak kes, mereka juga perlu berusaha untuk menempatkan diri mereka setaraf dengan lelaki di dalam struktur politik yang masih dikuasai oleh lelaki. Budaya patriarki adalah antara cabaran terbesar, di mana wanita sering dilihat dengan skeptikal berbanding lelaki, terutamanya apabila memegang jawatan kepimpinan. Cabaran-cabaran ini memerlukan wanita untuk memiliki ketahanan mental dan fizikal, kecekalan, dan kekuatan untuk terus berjuang dalam mewujudkan perubahan serta mencapai kedudukan yang tinggi dalam politik.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang membiayai kajian ini. Kod penyelidikan bagi Geran Kecil Penyelidikan (GKP) ini ialah SK-2023-019. Terima kasih juga kepada pengurusan fakulti, Pusat Pengurusan Penyelidikan UKM serta semua responden yang terlibat.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Agyeiwaa, R. & Attom, L. E. (2018). Gendered Perceptions and Challenges Facing Females in Educational Leadership Positions. *International Journal of Education, Learning and Development*, 6 (7), 1-15.
- Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *eBangi*, 12(3), 1-16.

- Bahiru, B. & Mengistu, A. B. (2018). The Challenges of Women Leaders of Business Organizations in Addis Ababa, Ethiopia, in *Balancing Work-Family Responsibilities. Journal of International Women's Studies*, 19(2), 140-158.
- Baqutayan, S., & Razak, R. 2022. Can Women in Malaysia be Change-makers? Political Involvement and Decision-making. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12 (4), 92-104.
- Childs, S. & Hughes, M. (2018). "Which men?" How an intersectional perspective on men and masculinities helps explain women's political underrepresentation. *Politics & Gender*, 14(2), 282-287.
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic analysis. *The journal of positive psychology*, 12(3), 297-298.
- Clatterbaugh, K. (2018). *Contemporary perspectives on masculinity: Men, women, and politics in modern society*. Routledge.
- Devaraj, P. (2024). 30% quota for women: Are we there yet? - Aliran. Aliran. <https://m.aliran.com/thinking-allowed-online/30-quota-for-women-are-we-there-yet>
- Ford, L. (2018). *Women and politics: The pursuit of equality*. Routledge.
- Hala, S. S. A., Mohamad, J. S., & Mohd, B. I. (2020). Challenges Women Face in Leadership Positions: A Quantitative Approach in Cycles' 1 and 2 Schools in Oman. *International E-Journal of Advances in Social Sciences*, 6(16), 356-363.
- Hanafi, F., Rahman, Z. A., Noor, A. M., & Nor, M. R. M. (2016). Hak Asasi Manusia dan Penglibatan Wanita dalam Politik di Malaysia (Human Rights and Women's Participation in Politics in Malaysia). *Journal of Al Tamaddun*, 11(1), 17-33.
- Hassan, K. (2020). Basic Model of Work-life Balance for Married Women Working in Public Sector in Penang, Malaysia. *Webology*, 17, 882-895.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a thematic analysis: A practical, step-by-step guide for learning and teaching scholars. *All Ireland Journal of Higher Education*, 9(3).
- Malhotra, R. K. (2018). Challenges of Women Leaders at the Workplace: An Empirical Study. *Psychology and Education*, 55(1), 486-493.
- Muktar, S. A., Desta, B. F., Damte, H. D., Heyi, W. K., Gurmamo, E. M., Abebe, M. G., Mesele, M. G., & Argaw, M. D. (2022). Exploring the opportunities and challenges of female health leaders in three regional states of Ethiopia: A phenomenological study. *BMC Public Health*, 22, 1-10.
- Muzira, J., & Gunda, V. N. (2025). The Influence of Gender on Leadership: Navigating Stereotypes and Transforming Leadership Styles. *Iconic Research and Engineering Journals*, 8 (7), 10-13.
- Ozer, A. 2023. Women Experts and Gender Bias in Political Media. *Public Opinion Quarterly*, 87, 293 - 315.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533–544. <https://doi.org/10.1007/s10488-013-0528-y>
- Portal Rasmi Parlimen Malaysia - Senarai Arkib Ahli Dewan. (2025). Parlimen.gov.my
- Raisiene, A. G., Geciene, J., & Korsakiene, R. (2020). Challenges of Women Leaders in Female and Male Dominated Occupations. *International Journal of Business and Society*, 21(3), 1277-1295.
- Ralebona, M. T. (2014). *Leadership Challenges Faced by Female Managers in the city of Johannesburg Metropolitan Municipality*. Tesis Sarjana, Jabatan Kerja Sosial dan Kriminologi, Universiti Pretoria.
- Ramli, M., Jaafar, S., Ariffin, M., Kasa, A., Qotadah, H., Achmad, A., & Siswanto, S. (2024).

- Muslim Malay Women in Political Leadership: Navigating Challenges and Shaping the Future. *Mazahib*, 23(1), 305-350. DOI:10.21093/mj.v23i1.7500
- Saidon, N. R. (2022). The Challenge To Empowerment Women;s Politic Representative in Malaysia (1980-2013): Cabaran Perneriksaan Representasi Politik Wanita di Malaysia (1980-2013). *TIJARI International Journal Of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship*, 2(3).
- Sharma, A. (2019). Challenges faced by women leadership in politics. *International Journal of Political Science and Governance*, 1(1), 60-62.
- Shikh, S. S. S. (2022). Patriarki, Politik Malaysia dan Pilihan Raya Umum. *Journal of the Malaysian Parliament*, 2 (1), 149-176.
- Tabassum, S. & Rafiq, U. (2023). Leadership Challenges: Experiences of Women Leaders. *Pakistan Journal of Social Research*, 5(2), 563-571.
- Yusop, N., & Talib, K. A. (2023). Keseliratan Kepimpinan Wanita dalam Masyarakat Sivil di Malaysia. *Journal of Ethnic and Diversity Studies (JOEDS)*, 1(2).
- Zainuddin, A. (2018). Konsep mengarusperdanakan gender: KALVIajian wanita dalam pekerjaan di Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 15(1), 1-10.